

Nilai Estetika Dalam Seni Warisan Keris

Anissa Afni Ahmad Shohor
Anis Suraya Che Awang
Saiful Farik Mat Yatin
Nik Azliza Nik Ariffin
Jafalizan Mat Jali

Fakulti Pengurusan Maklumat
UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana
Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor

ABSTRAK

Keris adalah salah satu alat persenjataan yang digunakan oleh orang Melayu selain daripada beberapa alat persenjataan lain yang terdapat di Tanah Melayu. Lazimnya, keris dianggap sebagai senjata yang istimewa dan unik oleh pengumpulnya kerana mempunyai pelbagai jenis bentuk dan mempunyai nilainya yang tersendiri. Untuk menghasilkan sebilah keris, Pandai Besi atau tukang keris perlu bijak mengatur langkah dalam memastikan proses penghasilannya dapat membentuk keris yang menarik dan mendapat sambutan daripada pengumpulnya. Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti jenis-jenis keris Melayu, proses penghasilan, kaedah pemeliharaan dan adab untuk menguruskan keris. Kaedah temubual dilaksanakan dengan menemubual seorang tokoh yang sangat berpengalaman dan berpengetahuan dalam bidang seni warisan keris.

Kata kunci: keris, senjata tradisional, tradisi Melayu.

ABSTRACT

Keris is one of the weapons been used by the Malay in Tanah Melayu. Keris is considered as a special and unique weapon by its collectors because it has different types, shapes and values. In producing keris, the keris's maker have to wisely arrange the steps in ensuring the process involved could produce a high quality keris and able to get positive responses from its collectors. This study is to identify the types of Keris Melayu, the processes, preservation methods and manners involved. The interview method was implemented by interviewing an experience and knowledgeable figure in the field of Keris as one of the Malay Heritage and Arts.

Keywords: Keris, traditional weapon, Malay tradition

PENGENALAN

Warisan dan juga khazanah tempatan adalah lambang kepada asal-usul sesebuah negara. Memelihara dan menjaga warisan serta khazanah tempatan adalah tanggungjawab bersama agar identiti sesebuah negara kekal dan tidak ditelan dek zaman. Namun, generasi kini kurang terdedah dengan kepentingan memelihara warisan dan khazanah tempatan kerana mereka telah terhanyut dan terbawa-bawa dengan perkembangan teknologi. Oleh sebab itu, mereka mulai lupa dan juga tidak endah dengan kepentingan warisan dan juga khazanah tempatan. Hal ini dapat diatasi sekiranya masyarakat bekerjasama dan memainkan peranan masing-masing dalam memperkenalkan dan mendedahkan kepentingan memelihara warisan dan khazanah tempatan. Seperti usaha yang dilakukan oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) yang telah dan sedang giat mengerakkan usaha dalam mendokumentasi seni warisan dan budaya yang kian pupus akibat kekurangan atau tiada pewaris meneruskan legasi warisan (BERNAMA, 2019). Antara khazanah dan warisan negara Malaysia adalah keris, gendang, batu nisan, ukiran kayu dan sebagainya. Namun kajian ini hanya memfokuskan berkaitan warisan dan pembuatan keris.

Keris adalah antara warisan Melayu yang dikenali ramai oleh masyarakat Melayu di Malaysia sehingga kini. Ia adalah senjata utama bagi masyarakat Melayu pada zaman dahulu untuk mempertahankan diri daripada ancaman musuh, seni persilatan dan sebagainya. Daripada sumber Hikayat Hang Tuah (Kassim, 1964), pada zaman kepahlawanan orang Melayu, terdapat sebuah bingkisan kisah tentang pertikaman antara Laksamana Hang Tuah dan juga Laksamana Hang Jebat yang menggunakan keris. Hal ini dapat membuktikan bahawa dalam dunia kepahlawanan orang Melayu, masyarakat Melayu menggunakan keris sebagai alat atau objek untuk mempertahankan diri pada ketika itu.

Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (2005), keris dapat didefinisikan sebagai senjata bermata dua yang tajam dan mempunyai bilah lurus atau berkelok-kelok. Namun, definisi tersebut tidak menjelaskan secara terperinci tentang keris. Menurut Harsrinuksmo (2004), beliau telah mencipta sebuah karya yang mampu memberikan definisi keris secara spesifik. Beliau menyatakan bahawa untuk menentukan sesuatu objek adalah keris, objek

tersebut perlu mempunyai dua mata iaitu bilah dan ganja. Ganja ialah bahagian yang berupa seakan cicak yang boleh diasingkan daripada bilah keris. Fungsinya adalah untuk menahan dan mengunci tikaman lawan. Selain itu, beliau juga menyatakan di dalam karyanya bahwa sebuah keris sebaiknya diperbuat daripada tiga jenis logam iaitu besi, bahan nikel yang berwarna keperakan dan juga besi baja (keluli).

Selain itu, bagi sesetengah institusi atau parti politik, mereka menjadikan keris sebagai lambang institusi atau parti tersebut. Sebagai contoh, lambang keris pada bendera parti United Malays National Organisation (UMNO). Pada bendera UMNO, terdapat lambang keris yang berwarna hijau. Keris tersebut melambangkan tamadun Melayu dan warna hijau melambangkan agama Islam. Jata Negara Malaysia juga mempunyai elemen keris padanya. Terdapat lima bilah keris pada jata tersebut yang mewakili negeri Perlis, Kedah, Kelantan, Terengganu dan Johor. Ia juga dikenali sebagai negeri-negeri Melayu yang tidak bersekutu. Hal ini dapat disimpulkan bahawa keris adalah antara lambang atau elemen yang penting bagi mewakili masyarakat Melayu.

Menurut Shuhairimi (2019), keris juga adalah lambang sebagai tanda persahabatan, status, hegemoni, dan pada masa yang sama melambangkan nilai estetika sesuatu budaya. Hubungan masyarakat Melayu tradisional dengan keris adalah sangat berkait rapat. Contohnya, lelaki yang tidak membawa kerisnya seumpamanya tidak sempurna berpakaian pada zaman dahulu. Hal ini menjelaskan bahawa masyarakat Melayu tradisional benar memartabatkan sebuah keris dan tidak menganggap keris adalah senjata semata-mata malah dijadikan sebagai sebuah cerminan dari segi cara pemikiran, nilai dan falsafah masyarakat.

PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian ini merupakan salah satu kajian yang berkaitan dengan warisan dan juga budaya di dalam kalangan masyarakat Malaysia. Kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti permasalahan yang dihadapi dalam dunia perkerisan. Antaranya ialah kekurangan tukang keris dikalangan masyarakat tempatan terutamanya penglibatan generasi muda. Menurut Mohd Nasir (2008), beliau mengatakan bahawa generasi muda sudah mula tumpul

minatnya terhadap profesion tukang besi. Generasi kini leka dengan arus pemodenan dan teknologi dan mungkin tiada minat yang mendalam untuk melibatkan diri dalam bidang pertukangan keris. Hal ini amat membimbangkan kepada kelangsungan warisan keris untuk masa hadapan. Tanpa penglibatan generasi baru, kepupusan tukang keris akan menjadi nyata untuk masa hadapan. Kajian ini diharap dapat memberi panduan dan jalan keluar bagi orang awam yang berminat dalam dunia perkerisan untuk mengatasi kepupusan tukang keris bagi memelihara senjata warisan tempatan.

Selain itu, masyarakat kini kurang berpengetahuan terhadap kepentingan memelihara senjata keris warisan Melayu. Senjata warisan iaitu keris melambangkan maruah dan juga martabat Melayu pada zaman kepahlawanan sehingga kini. Namun begitu, masyarakat tempatan hanya menganggap ia sekadar hiasan semata-mata dan kurang pengetahuan tentangnya. Akan tetapi, terdapat juga segelintir masyarakat yang menyedari bahawa keris adalah aset penting untuk negara dan berusaha untuk memperkenalkan keris kepada masyarakat majmuk menerusi pertarungan silat dan sebagainya. Menurut Rusli Abdul (Tukang empu (pembuat keris)), bagi mengekalkan warisan ini agar tidak luput ditelan zaman, pihaknya bersama beberapa pihak berkaitan melakukan pelbagai usaha untuk menarik minat masyarakat, khususnya golongan muda terhadap kepentingan untuk memelihara warisan Melayu. Kesedaran masyarakat amat penting dalam membantu dan menyokong pihak industri atau persatuan warisan Melayu untuk melanjutkan usaha dalam memelihara kelangsungan warisan (Nor 'Asyikin, 2018).

Menurut Pengumpul keris yang juga Mantan Pengerusi Persatuan Seni Purba Nusantara Selangor, Ab Majid Bujang, ilmu yang berkaitan dengan simbol kemegahan tradisi semakin hilang terutama sekali etika dan juga adat ketika memiliki keris. Menurutnya lagi, kehilangan kearifan tempatan amat merugikan kerana etika dalam permainan keris mempunyai mesej tersirat yang menunjukkan jati diri bangsa Melayu yang kaya dengan nilai kesantunan. Sebilangan besar masyarakat kini tidak mengetahui bahawa terdapat etika dan juga adat apabila memiliki keris. Namun begitu, masih ada segelintir masyarakat terutamanya pengumpul keris yang mempraktikkan etika dan adab yang betul ketika menguruskan keris. Antara

etika dalam menggunakan keris ialah pastikan hanya sarung sahaja yang bergerak dan bukan kerisnya kerana ia antara petua penting penjagaan baik, khususnya bagi keris yang terlampau tua kerana ia mudah reput. Sekiranya pemilik keris tidak mengamalkan etika tersebut, ia akan menjejaskan keadaan keris dalam waktu yang singkat (Latifah, 2016).

Oleh itu, kajian ini diharapkan memberi manfaat yang maksimum kepada generasi kini dan juga akan datang agar dapat didedahkan kepada masyarakat umum tentang kepentingan memelihara warisan senjata keris yang makin dipinggirkan dan menjadi lambang kemegahan serta maruah ketuanan Melayu sejak zaman dahulu.

OBJEKTIF KAJIAN

Antara objektif kajian ialah:

- a. Untuk mengenalpasti jenis-jenis keris yang terdapat di Malaysia.
- b. Untuk menghuraikan proses pembuatan keris.
- c. Untuk mengetahui adab-adab ketika memegang dan menguruskan keris.

PERSOALAN KAJIAN

Antara persoalan kajian ialah:

- a. Apakah jenis-jenis keris yang terdapat di Malaysia?
- b. Bagaimanakah proses pembuatan keris dilakukan?
- c. Apakah adab-adab yang perlu dipatuhi ketika memegang dan menguruskan keris?

KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Kepentingan dan sumbangan kajian ini ialah untuk menjadi bahan rujukan kepada penyelidik pada masa akan datang. Senarai rujukan yang terhasil daripada kajian ini akan memberi peluang kepada penyelidik pada masa akan datang yang berminat untuk membuat rujukan dan penyelidikan lanjutan mengenai tajuk kajian ini iaitu seni keris. Selain itu, melalui bahan rujukan yang terhasil juga pembaca dan penyelidik dapat mengetahui mengenai teori-teori, pendapat dan sebagainya mengenai seni keris.

Kepentingan kajian yang seterusnya ialah untuk menambahkan koleksi

dan sumber sejarah dalam memastikan maklumat mengenai seni keris dapat dikekalkan. Dalam mendepani zaman globalisasi kini, warisan tradisional seperti seni keris ini semakin dilupakan dan hanya diketahui oleh mereka yang berusia emas yang mempunyai kepakaran dalam bidang tersebut. Justeru itu, kajian ini dapat membantu dalam merekodkan dan menambahkan koleksi untuk digunakan oleh generasi akan datang dan membantu dalam menarik minat golongan muda untuk mengenali tokoh- tokoh seni keris dan maklumat mengenai keris.

Selain itu, kepentingan kajian ini ialah untuk memperkenalkan tokoh-tokoh yang bertanggungjawab dalam mengekalkan warisan tradisional ini iaitu seni keris. Melalui kajian ini, jasa mereka boleh dihargai dan diingati kerana telah banyak menyumbangkan masa dan tenaga dalam memastikan seni keris dapat dikekalkan dan digunakan sehingga kini.

Kepentingan yang terakhir ialah kajian ini akan dapat dijadikan sebagai medium untuk tokoh memberi pendapat. Temubual yang dijalankan dapat memberi ruang kepada tokoh untuk memberikan pendapat dan hujahnya yang tersendiri agar dapat disampaikan kepada pembaca dan penyelidik.


TINJAUAN LITERATUR

ASAL-USUL KERIS

Menurut Jurnal "Melacak Asal-Usul Keris dan Peranannya dalam Sejarah Nusantara" yang ditulis oleh Mahyudin (2009), terdapat beberapa teori berkenaan asal kewujudan keris yang telah diketengahkan oleh para sejarawan yang berbeza seperti Gardner (1936), Griffith Wilkens dan A.J. Barnet Kempers (Waluyo & Unggul, 2011). Gardner menganggap keris diperbuat daripada tulang ikan pari ketika zaman prasejarah dimana tulang ikan tersebut akan dibalut kain pada tangkainya dan tangkai tersebut akan digenggam yang membolehkan ia dibawa kemana-mana. Menurut teori kedua pula, Wilkens menyatakan bahawa keris wujud disebabkan oleh perkembangan daripada senjata seperti tombak pada abad ke-14. Senjata tombak ini sering digunakan oleh penduduk yang tinggal di Australia dan Asia. Perkembangan dan peralihan ini berlaku kerana senjata tombak memiliki bentuk yang sukar untuk dibawa berbanding keris yang lebih fleksibel, pendek serta ringan untuk dibawa dan digunakan. Keris terhasil daripada mata

lembing tombak yang dicabut dari tangkainya untuk membuatkan ia dapat digenggam (Harsrinuksmo, 2004). Teori ketiga pula, Kempers berpendapat bahawa kewujudan keris bermula di Dongson, Vietnam berdasarkan peninggalan gendang di kawasan tersebut dan penemuan senjata-senjata yang menyerupai leluhur keris. Walaubagaimanapun, terdapat beberapa rekod dan bukti bahawa keris mula dikenali oleh orang Jawa pada abad ke-5M dengan penemuan *relief* di Candi Borobodur di Kepulauan Jawa (Maisey, 1998; Harsrinuksmo, 2004).

CIRI-CIRI ASAS KERIS



Gambar 1: Ciri Keris

Berdasarkan daripada Gambar 1, terdapat tujuh (7) ciri yang terdapat pada sebilah keris. Ciri-cirinya adalah jejeran, selat, mendak, ganja, gandhik, pamor, dan bilah keris. Jejeran atau juga dikenali sebagai hulu keris adalah diperbuat daripada kayu, tulang, atau gading. Selat adalah cincin tambahan untuk menghias jejeran. Mendak pula ialah sebetuk cincin yang melingkari besi antara jejeran dan ganja. Ganja ialah dasar bilah yang mempunyai pelbagai variasi bentuk, salah satunya bentuk sepang. Seterusnya, gandhik ialah bahagian bawah atau pangkal bilah keris yang juga mempunyai pelbagai bentuk seperti panji penganti dan sebagainya. Pamor pula ialah hiasan pada bilah keris yang dihasilkan melalui teknik tempaan daripada beberapa unsur logam yang berlainan. Bilah keris terbahagi kepada tiga (3) bahagian iaitu bahagian badan bilah, ganja, dan juga besi.

Menurut Mahyudin (2003), terdapat beberapa kriteria atau ciri yang perlu dipenuhi untuk mengenalpasti suatu senjata sebagai keris. Kriteria yang dinyatakan oleh beliau adalah keris haruslah terdiri daripada dua bahagian

iaitu bahagian bilah atau mata keris dan juga bahagian ganja yang juga mewakili sebagai simbol *yoni*. Penyatuan antara *yoni* dan *lingga* adalah simbol kesuburan, keabadian dan kekuatan menurut dalam falsafah Hindu.

Seterusnya, kriteria yang perlu ada untuk menentukan senjata tersebut sebagai keris adalah bahagian ganja yang perlu ditempa oleh pandai besi untuk berfungsi sebagai pemisah antara bilah dan puting keris. Kedudukan bilah juga mempunyai maksud tersirat seperti kedudukan bilah yang condong bermaksud sifat yang terpuji. Hal ini menjelaskan bahawa pemilik keris perlulah sentiasa tunduk dan hormat kepada Tuhan dan juga sesama insan tidak kira pangkat dan kedudukannya. Menurut falsafah yang tersirat, ia menjelaskan bahawa pendapat golongan yang menyatakan keris dicipta sebagai alat untuk membunuh adalah tidak benar (Djoko Soekiman, 1983).

Secara lazimnya, ukuran panjang bilah keris adalah antara 33 sentimeter sehingga 38 sentimeter. Namun, bagi bilah keris di luar Jawa panjangnya sehingga 58 sentimeter malahan kepanjangan keris buatan Filipina Selatan mampu mencecah sehingga 64 sentimeter. Secara umumnya, dalam menghasilkan sebilah keris yang baik, ia haruslah ditempa dan diperbuat daripada tiga unsur logam, iaitu campuran unsur besi, baja, dan juga bahan pamor. Keris-keris tua atau lebih tepatnya keris prototaip, misalnya keris Buda, tidak menggunakan pamor (Harsrinuksmo, 2004). Namun demikian, terdapat kriteria lain yang perlu diambil kira berkaitan dengan fizikal keris seperti sarung keris dan bentuk keris.

JENIS-JENIS KERIS

Terdapat pelbagai jenis keris yang wujud di alam Melayu. Setiap jenis keris mempunyai kisah atau sejarah tersendiri yang membuatkan ia unik antara satu sama lain. Terdapat suatu kajian yang menyatakan bahawa keris dapat dibahagikan kepada beberapa jenis keris berdasarkan 'Hulu' atau 'Sarung' maupun 'Mata' keris dan juga kepada bentuk secara keseluruhan. Menurut Woolley (1947), secara umum keris dapat dibahagikan kepada tujuh (7) jenis, iaitu Keris Semenanjung atau jenis Utara, Keris Pekakak, Keris Jawa, Keris Sumatera, Keris Bali dan Madura, Keris Bugis, dan juga Keris jenis Sundang dan jenis Sulok.



Gambar 2: Keris Semanjung



Gambar 3: Keris Pekaka



Gambar 4: Keris Jawa



Gambar 5: Keris Sumatera



Gambar 6: Keris Bali



Gambar 7: Keris Bugis



Gambar 8: Keris Sundang



Gambar 9: Keris Saras

a) Keris Semenanjung/ jenis Utara

Keris Semenanjung atau jenis Utara ialah keris yang digunakan secara meluas di Semenanjung Tanah Melayu dan juga kepulauan berhampiran dengannya termasuk Singapura, Kepulauan Riau-Lingga di selatan dan Pattani di utara. Bentuk 'hulu' keris Semenanjung ini dinamakan sebagai keris Hulu Jawa Demam. Hulu Jawa Demam yang tua mempunyai bentuk seperti tubuh manusia, tetapi kemudiannya diubah, malah ada sebahagiannya yang diukir dengan rekaan bunga. Sarung Keris Semenanjung ini mempunyai Sampir Bujur Sangkar yang agak besar dan berbentuk segi empat. Sementara batangnya pula lebar, tidak begitu tirus dan mempunyai 'kasut' atau 'buntut' jalur bujur sangkar. Jika sarung atau sampir keris disalut perak, maka kasutnya akan berbentuk 'bulat tempurung'.

b) Keris Pekaka

Keris ini disebut sebagai Pekaka kerana kepalanya terbuat daripada tanduk atau kayu, dan mereka berbentuk seperti burung Pekaka. Salah satu keistimewaan keris jenis ini adalah mata keris yang lebih panjang daripada mata keris biasa. Keris Pekaka mempunyai 31 lubang di lok pada mata keris. Keris ini mula terhasil ketika penguasa Jawa (Majapahit). Pandai Saras (juga dikenal sebagai Sarah yang pandai) empu keris Pattani (Teeuw & Wyatt, 1970) menghasilkan watak keris. Orang Melayu Patani tidak lagi menggunakan raksasa hulu (kuda laut / haiwan laut di atas gajah). Pekak (*kingfisher / kingfisher*), juga dikenal sebagai "*coteng*" dan "*tajung*". Keris digunakan sebagai Raja Kesultanan Melayu di Pattani. Namun, jika diperhatikan dengan teliti, kepala dan hidung bisu pekak lebih menyerupai tokoh Laksamana Boneka Jawa

c) Keris Jawa

Keris Jawa mempunyai ciri yang khas pada hulunya iaitu berbentuk melengkung seakan pistol. Secara lazimnya, keris ini dijadikan sebagai keris pusaka pada zaman kerajaan Jawa dahulu. Mengikut bentuk bahagian hulu dan sarung, terutama bentuk bahagian sisi, mudah untuk mengenal pasti keris Jawa. Hulu keris ini biasanya terbuat daripada kayu dan dibengkokkan di hujungnya, kadang-kadang menyerupai bentuk demam Jawa. Di samping itu, hulu keris ini dilengkapi dengan cincin yang diletakkan di bahagian

bawah Pendongkok, yang dikenali sebagai "*Selut*." Pada bahagian sarung keris ini, ukuran batangnya tidak terlalu lebar, tetapi meruncing dan bulat di bahagian pangkalnya.

d) Keris Sumatera

Keris jenis Sumatera dikenalpasti menerusi mata, hulu, dan juga pada sarungnya. Ia juga dikenali sebagai Keris Bahari yang mempunyai ciri-ciri unik seperti mata yang panjang dan tirus, lurus atau berlok sehingga ia juga disebut sebagai Keris Panjang. Keris ini secara lazimnya memiliki keratan lintang mata yang bujur panjang, malahan adakalanya terdapat tulang-tulang belakang pada kedua belah matanya. Mengikut ukuran mata keris, ia dapat dibahagikan kepada beberapa jenis keris. Antaranya:

- Keris Panjang: bermata panjang
- Keris Alang: bermata sederhana panjang
- Keris Anak Alang: bermata lebih pendek dari keris Alang
- Keris Pendek: bermata pendek dan ada kalanya digelar Keris Pandak

Dari aspek hulu keris tersebut, ia berbentuk bengkok pada bahagian hujungnya dan juga diukir menjadi bentuk bunga-bunga yang diperbuat daripada kayu atau tanduk. Kadang-kadang, ia juga mempunyai bentuk hulu keris seperti Keris Jawa Demam. Batang keris ini pula panjang serta tirus dan biasanya dipasang dengan beberapa simpul dari rotan ataupun logam, ianya mempunyai buntut bentuk bujur sireh dan sekiranya bahagian batang bersalut logam bentuk buntut bertukar menjadi bujur sankar.

e) Keris Bali dan Madura

Keris Bali dan Madura mewakili jenis keris yang merujuk kepada suatu tempat atau lokasi iaitu di kawasan Bali dan Madura. Ia mempunyai hulu keris yang berbentuk seakan dewa-dewi, yang terpengaruh dengan agama Hindu sewaktu itu. Keris ini mempunyai hulu yang agak besar yang diperbuat daripada kayu atau gading. Tambahan pula, keris ini juga dihiasi dengan permata yang berwarna-warni. Sarungnya pula diperbuat daripada cantuman bahagian dan batang yang berasingan. Kebiasaannya, kayu yang berwarna cerah dan mempunyai belang hitam digunakan untuk membuat sarung keris.

f) Keris Bugis

Keris Bugis biasanya memiliki hulu yang diukir menjadi bentuk seakan Jawa Demam, dan kemudian bahagian yang paling dikenali adalah ekor yang berbentuk mata kapak. Hulu Keris Bugis dan juga sarungnya diperbuat daripada bahan seperti gading dan batangnya dilengkapi dengan pahat logam yang berbunga, dan bahagian tengah batangnya dilengkapi dengan hiasan logam berbentuk bunga.

g) Keris jenis Sundang dan jenis Sulok

Keris jenis Sundang dan juga jenis Sulok terhasil daripada orang Sulu yang memerlukan senjata untuk memotong dan mengimbas selain dari untuk menikam. Keris jenis ini dapat dikenalpasti menerusi bentuk mata, hulu, dan juga pada sarungnya. Keris ini lebih berat daripada keris yang lain kerana mempunyai bentuk mata yang panjang baik lurus maupun berlok, serta tebal dan lebar daripada keris yang lain. Hulu Keris Sundang diperbuat daripada gading atau pun kayu, dan ia berbentuk bulat panjang untuk genggamannya yang kukuh. Di hujungnya pula terbuka secara melintang dan melekok arah ke dalam. Sarungnya diperbuat daripada kayu yang lebih besar kerana bentuk Keris Sundang yang panjang serta lebar daripada keris yang lain.

PROSES PEMBUATAN KERIS

Proses pembuatan keris secara lazimnya tidak terikat dengan cara atau prosedur yang tertentu. Pembuatan dan penempatan bilah keris khususnya diperbuat daripada pandai besi atau empu menerusi pelbagai cara, kaedah, dan juga bahan pembuatannya. Menurut Wan Islahuddin Ali (MStar. 2020), beliau menjelaskan bahawa dalam menghasilkan sebilah keris yang berkualiti, proses membuat keris mestilah melibatkan proses menempa, membentuk, mengikir, menyepuh, dan juga mengukir keris. Beliau menggunakan kaedah tradisional dalam menghasilkan senjata yang melambangkan kekuatan orang Melayu dahulu kala.

Namun begitu, terdapat pendekatan yang lain dalam proses pembuatan bilah keris. Menurut Haryono Haryoguritno (2005), beliau menerangkan bahawa terdapat empat (4) langkah dalam proses pembuatan bilah keris secara tradisional. Langkah-langkahnya terdiri daripada proses

persiapan, penempaan asas, proses pelaksanaan, dan proses akhir.

a. Proses Persiapan

Proses persiapan dapat dijelaskan sebagai persiapan dalam menentukan bahan yang akan digunakan, teknik pembuatan, dan juga persiapan spiritual. Persiapan spiritual seperti melakukan doa, mantera, dan penyediaan saji sebelum memulakan pekerjaan.

b. Proses Penempaan Asas

Seterusnya, penempaan asas adalah peringkat dimana proses penempaan dibuat sendiri oleh pandai besi yang menghasilkan besi wasuhan. Besi wasuhan ialah besi yang dibersihkan daripada karat dan kotoran melalui proses bakar, tempa, lipat dan dibakar semula yang dibuat secara berulang kali.

c. Proses Pelaksanaan

Proses pelaksanaan pula adalah peringkat pemprosesan keris yang boleh dibahagi kepada dua (2) iaitu pengumpulan pola pamor dan pembentukan bilah keris. Pengumpulan pola pamor melibatkan proses menanam bahan pamor pada besi wasuhan yang berfungsi sebagai pengikat dan dibentuk sehingga menghasilkan sebuah saton. Saton ialah hasil campuran besi dengan bahan pamor yang kemudiannya membentuk menjadi sebilah keris. Pada peringkat pembentukan keris, bilah keris ditempa secara berulang melalui proses pembakaran dan petempaan.

Akhir sekali, proses akhir pembuatan keris. Pada peringkat ini kaedah-kaedah penyempurnaan dilakukan sehingga terbentuknya sebilah keris. Setelah selesai, proses *Nyempuh*, *Ngamal*, dan *Marangi* dilakukan.

- *Nyempuh* ialah kaedah untuk mengeraskan bilah keris dengan cara membakar bilah keris itu ke tahap suhu 650 darjah Celsius dan kemudiannya, dicelupkan ke dalam minyak kelapa secara perlahan-lahan.
- *Ngamal* ialah kaedah yang dibuat untuk menimbulkan lapisan-lapisan pamor dengan merendam bilah keris dalam larutan campuran Sulfur (S) dan garam (NaCl).
- *Marangi* ialah proses mengolah unsur logam besi dan baja berubah menjadi hitam atau kelabu tua

Manakala *Pamor* yang berunsur nikel tetap berwarna putih berkilau kerana mempunyai sedikit kesan daripada reaksi terhadap larutan arsenik.

ADAB DAN PANTANG LARANG KETIKA MEMILIKI KERIS

Menurut pengkaji keris, iaitu Emil (2009), beliau berpendapat “Keris ini pantang direndahkan, pantang direndahi, pantang terbiar, pantang dipermainkan, pantang tidak serasi, pantang dipakai mencari lawan, pantang dipakai untuk sombong dan bongkak, pantang dipakai untuk menghina, pantang dipakai menyalahi adat, pantang yang dipakai pada yang tak sesuai, pantang dicabut sebarangan, pantang dicabut secara menyalah”. Berdasarkan pernyataan ini, beliau bermaksud adab pemakaian atau pemilikan keris antaranya ialah tidak merendah-rendahkan keris orang lain. Sebagaimanapun kita mengetahui keris tersebut tidak bagus, jangan sesekali diperendhkannya kerana ia sebahagian daripada adabnya. Selain itu, jangan bersikap sombong ketika memiliki keris kerana ilmu yang diturunkan oleh orang-orang terdahulu tidak akan menjadi jikalau mempunyai sifat sombong. Hal ini kerana ilmu yang berasaskan tauhid makrifat tidak akan selari dengan sifat kesombongan. Seterusnya, adab memiliki keris adalah tidak membiarkan keris tanpa sarungnya dalam tempoh waktu yang lama. Hal ini kerana ia akan menyebabkan keris tidak mampu berdiri. Selanjutnya, jangan menghunus keris ke arah orang lain atau diri sendiri, jangan sentuh atau jentik bilah mata keris orang lain, jangan diletakkan di dalam bilik suami isteri, jangan kucup bilah mata keris orang lain, dan juga jangan sesekali keris dibuka di hadapan kanak-kanak. Adab dan pantang larang haruslah dipatuhi agar keris bertahan lebih lama dan juga memastikan keselamatan pengguna keris tersebut.

METODOLOGI

Dalam menjalani kajian mengenai seni keris ini, tiga (3) kaedah digunakan untuk mendapatkan maklumat mengenai seni keris iaitu kaedah temubual, pemerhatian, dan analisis dokumen. Kaedah temubual secara berstruktur yang melibatkan dua (2) pihak iaitu penemubual dan tokoh. Maklumat yang disampaikan oleh tokoh adalah mengenai seni keris. Semasa temubual dijalankan, sesi soal jawab di antara penemubual dan tokoh mengenai seni warisan keris dengan lebih mendalam dan terperinci. Temubual

secara bersemuka ini dilakukan dalam jangka masa dua (2) jam di kediaman tokoh. Dalam temubual ini, soalan disediakan terlebih dahulu dan ia dilaksanakan secara formal. Perancangan perlu teliti dan soalan mesti selaras dengan objektif kajian.

Kaedah pemerhatian merupakan satu kaedah penyelidikan yang digunakan untuk mengukur pembolehubah penyelidikan. Ia juga merupakan alternatif dalam pengumpulan maklumat atau data selain soal selidik dan temubual. Melalui kajian ini, kaedah pemerhatian ini digunakan untuk memberi lebih banyak maklumat kepada penyelidik dan memberi kefahaman yang lebih mendalam mengenai bidang seni keris ini kerana melalui kaedah ini penyelidik dapat memerhati proses-proses dan teknik-teknik yang terlibat dengan lebih jelas.

Data dan maklumat dikumpulkan dengan cara analisa dokumen untuk membantu memberikan maklumat tentang seni warisan keris. Pelbagai sumber yang digunakan seperti artikel, jurnal, blog, majalah, buku, akhbar dan sebagainya untuk menyokong maklumat yang diperolehi oleh penyelidik.

LATAR BELAKANG TOKOH



Gambar 10: Ramli Bin Jusoh

Ramli Bin Jusoh ataupun lebih dikenali sebagai 'Tok Moh' dan 'Pusaka Pahang' dalam kalangan pengumpul keris serta ahli silat mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang seni keris. Beliau dilahirkan di Kuala Pahang, Pekan pada 20 Mei 1973 dan kini menetap di Balok Perdana Kuantan, Pahang. Merupakan anak keempat daripada lapan (8) orang adik-beradik hasil perkahwinan bapanya, Encik Jusoh bersama ibunya, Puan

Zainon. Beliau telah mendirikan rumahtangga bersama isterinya yang bernama Salma Binti Mustafa dan dikurniakan enam (6) orang cahaya mata. Menerima pendidikan awal di Sekolah Bukit Kuantan di Kuantan, Pahang dan seterusnya di Sekolah Menengah Bukit Goh juga di Kuantan, Pahang. Sedang melanjutkan pelajarannya dalam bidang Diploma in Safety. Awal kerjayanya, merupakan seorang ahli makmal yang mengkaji bahan mentah, namun, menukar kerjayanya ke bidang perkapalan. Merupakan seorang yang berani untuk mencuba sesuatu yang baharu walaupun diluar bidangnya kerana beliau mempunyai semangat yang tinggi dalam menimba ilmu.

Ramli Bin Jusoh mula terdedah dalam dunia perkerisan sejak beliau masih kecil lagi oleh kerana bapa beliau merupakan seorang tok bomoh dan guru silat di kampungnya. Justeru itu, bapanya memiliki pelbagai jenis keris untuk digunakannya dalam aktiviti persilatan dan juga untuk kegunaan perbomohan. Pada usia beliau sekitar sembilan belas tahun, beliau mula mempelajari dan mendalami ilmu asas keris kerana beliau juga mengikuti jejak langkah bapanya dalam bidang persilatan.

Menurutnya, jiwa Melayu yang dimilikinya telah mendorong beliau untuk mendalami seni keris kerana keris merupakan identiti bangsa Melayu dan berkait rapat dengan bidang persilatan selain daripada untuk menjaga warisan yang ditinggalkan. Oleh kerana mempunyai minat yang mendalam terhadap keris dan persilatan serta mempunyai rasa tanggungjawab untuk menyampaikan ilmu mengenai bidang tersebut, beliau telah menubuhkan satu persatuan yang dinamakan Persatuan Seni Warisan Purba Pahang pada tahun 2020 dan dilantik sebagai Pengerusi. Melalui persatuan tersebut, beliau telah berjaya menjalankan beberapa jenis kursus untuk memperkenalkan keris seperti kursus pengenalan keris, jenis keris, dan juga kursus penjagaan keris. Beliau juga sering diundang untuk mengadakan demonstrasi penjagaan keris di muzium-muzium dan di luar Pahang. Menerusi aktiviti-aktiviti dan kursus yang dijalankan secara meluas di negeri Pahang ini, beliau telah dapat membentuk dan melahirkan tukang-tukang muda untuk dijadikan sebagai pelapis untuk generasi akan datang dan ini merupakan satu kepuasan baginya.

Apabila disoal tentang siapakah idolanya dalam memelihara warisan keris Melayu, beliau menyenaraikan beberapa orang nama yang memberi inspirasi dan dorongan kepada beliau. Antaranya ialah bapanya sendiri yang

juga merupakan guru beliau dalam bidang persilatan, Tuan Haji Alwi Yusof (Pengerusi Purba Kelantan), dan beberapa lagi nama lain. Bukan itu sahaja, beliau turut menyenaraikan tukang-tukang keris atau Pandai Besi yang diminati dan diikutinya kerana menghasilkan keris yang menarik. Di Pahang, antaranya ialah Encik Mazli atau turut dikenali sebagai Pok Li Jaya Gading, Wan Sala Salayuddin di Salong dan Encik Rozi di Kampung Kurnia.

Beliau mempunyai koleksi keris yang melebihi seribu bilah namun menurutnya beliau bukanlah pengumpul yang tegar kerana tujuan beliau mengumpul keris adalah untuk mencari ilmu. Beliau akan melakukan beberapa perbandingan ke atas keris-keris tersebut untuk menambah ilmu pengetahuannya. Setelah mencapai kehendak dalam kajiannya, beliau akan menjual keris-keris tersebut untuk dijadikan modal pusingan untuk beliau membeli keris yang lain pula.

HASIL KAJIAN

Menurut Ramli (2021), setiap jenis keris mempunyai sejarahnya yang tersendiri namun sejarah yang sebenar tidak dapat dikenalpasti dari mana ia datang dan berpunca oleh kerana negara banyak kehilangan dokumen dan bukti. Menurut lagi, cerita asas yang wujud hanyalah hasil daripada penggabungan cerita-cerita yang diketahui oleh orang tertentu. Selain daripada dijadikan sebagai alat persenjataan, keris turut dijadikan sebagai identiti seseorang kerana setiap negeri mempunyai identiti yang berbeza. Terdapat beberapa jenis keris yang diperlihatkan oleh tokoh dan berdasarkan pemerhatian, keris-keris ini dapat dibahagikan kepada beberapa jenis keris. Untuk membezakan keris-keris ini, ia dilihat berdasarkan 'HULU', 'SARUNG', 'MATA' dan juga bentuknya secara keseluruhan. Antara keris-keris yang diperlihatkan ialah:

a) Keris Saras

Di Tanah Melayu, keris Saras adalah keris yang popular dan sering ditemui. Keris Saras ini mempunyai beberapa generasi dan turut mempunyai nama lain seperti Pandai Saras dan Pandai Minang. Keris jenis ini berasal daripada Pattani iaitu Kelantan sebelum Pattani dan Narathiwat dipisahkan dari Kelantan oleh penjajah. Ciri-ciri bilah keris ini ialah ada yang mempunyai lok dan ada yang tidak serta mempunyai tulang di tengah-tengah mata bilahnya. Selain itu, terdapat dua (2) jenis bahan dalam penghasilannya

iaitu besi dan besi campuran. Oleh itu, bilah matanya ada yang berpamor dan ada yang tidak. Terdapat juga tulisan Jawi pada bilah keris Saras ini untuk dijadikan sebagai azimat dalam pemakaian tubuh, penjagaan diri dan sebagainya.

b) Keris Panjang

Keris ini turut dikenali sebagai keris Alang, keris Hukum, Penyalang atau keris Kuasa kerana sering digunakan dan dipegang oleh Agong di dalam majlis-majlis dan hukuman tertentu dan tidak digunakan dalam pertempuran kerana mempunyai bilah yang panjang sekitar 22 inci serta sukar untuk dibawa. Bahan-bahan mewah seperti gading gajah, emas dan perak digunakan dalam penghasilan sarungnya kerana keris ini merupakan lambang kekuasaan. Manakala, sampirnya pula dibuat bercirikan bulan sabit.

c) Keris Anak Alang

Keris Anak Alang ini lebih pendek berbanding keris Panjang namun turut dikenali sebagai keris Kuasa dan boleh dibawa untuk bertempur. Ia ditempa daripada besi sebatang yang merupakan campuran besi pamor yang akan membentuk corak yang ada pada besi

d) Keris Melela

Keris ini berasal dari Terengganu yang dihasilkan daripada besi sebatang untuk digunakan dalam pertarungan. Keris jenis ini juga ada yang berpamor dan mempunyai bilah yang berlurah, beralur dan mempunyai tulang yang besar di tengah bilah.

e) Keris Debek

Keris ini berasal dari Kelantan yang bermaksud tidak sempurna. Keris ini dipakai untuk mengambil semangat besinya sahaja dan melambangkan kezuhudan si pemakainya. Keris ini bersampirkan sari bulan atau sehari bulan manakala hulu keris ini menggunakan akar bahar.

f) Keris Charita

Keris Charita ini juga berasal dari Pattani dan mempunyai pelbagai variasi bergantung kepada kawasan bilah tersebut ditempa. Keris ini mempunyai bilah yang berlurah dan biasanya dipangkal bilah mata bermula selepas ganjar.

g) Keris Sundang

Keris ini digunakan sebagai senjata untuk memotong, mengimbas

serta menikam oleh pemakainya. Keris jenis ini lebih berat daripada keris-keris lain kerana mempunyai bilah yang lurus, berlok, tebal dan lebar. Mata bilah keris ini juga mempunyai bahagian-bahagian seperti keris lain iaitu ganja, belalai gajah dan ekor gajah. Hulu kerisnya diperbuat dari gading ataupun kayu dan sangat berlainan dari keris-keris yang lain.

PROSES PEMBUATAN KERIS

Tukang keris atau juga dikenali sebagai Pandai Besi pada zaman itu adalah salah satu pekerjaan yang amat penting kerana mereka adalah pembekal dan pembuat senjata untuk si pemakai mempertahankan diri daripada serangan musuh. Namun kini, tukang keris sudah semakin pupus dan generasi muda juga kurang berminat dalam menyambungkan legasi dalam mencipta warisan senjata Melayu ini. Salah satu sebab hal ini terjadi adalah proses dalam menghasilkan sebilah keris memerlukan tenaga yang banyak dan juga proses pembuatannya adalah rumit

Seorang tukang keris yang berkemahiran mampu untuk mengenalpasti bijih timah yang berkualiti dan sesuai untuk menghasilkan sebilah keris yang diingini. Terdapat beberapa peringkat asas dalam pembuatan keris Melayu atau Semenanjung yang dilakukan pada zaman dahulu iaitu pemilihan besi, mencantum dan mencampurkan besi, mengetuk dan membentuk, melurah dan menyiapkan keris, dan akhir sekali membuat sarung dan hulu keris.

a) Pemilihan Besi

Proses pertama dalam menghasilkan sebilah keris adalah pemilihan besi. Pemilihan besi atau gred besi adalah bergantung kepada permintaan daripada penempah keris itu sendiri. Keris mempunyai pelbagai jenis dan variasi. Oleh sebab itu, bahan dan juga besi yang digunakan adalah berlainan untuk menghasilkan suatu keris. Jenis besi yang sering digunakan adalah besi tawar (besi lembut), besi baja (besi keras) dan besi melela (besi sederhana keras). Setelah memilih besi yang sesuai, ia akan diteruskan dengan proses peleburan besi dengan menggunakan relau bagas. Proses untuk meleburkan besi memerlukan suhu dengan kepanasan yang amat tinggi kira-kira dalam 1000-1500 darjah Celsius. Lalu, besi yang sudah dileburkan akan diasingkan, dibersihkan dan dibekukan.

b) Penempaan

Proses membentuk logam atau besi melalui penukulan, penekanan atau penggelekan. Besi akan dipanaskan sehingga keluar warna kemerah-merahan dan diketuk sehingga menjadi *bakalan*. *Bakalan* adalah besi yang sudah ditentukan ketebalan dan lebarnya yang diingini tetapi masih tidak sempurna bentuknya. Setelah itu, *bakalan* tersebut akan dibentukkan sehingga menjadi asas bentuk bilah keris yang diingini. Lalu, diteruskan dengan proses mengikir dan melurah besi. Proses ini dilakukan untuk tujuan membuang bahagian-bahagian besi yang tidak diperlukan dan mengemaskan bentuk bilah keris.

c) Sepuhan

Proses untuk mengeraskan besi tersebut dengan bahan-bahan yang tertentu, salah satunya adalah Magnesium. Selepas proses sepuhan telah selesai, lalu diikuti pula dengan proses gabungan besi. Bilah tersebut akan melalui proses mengikir seperti membuat kerawang pada bilah besi tersebut. Proses terakhir ialah bilah tersebut diasidkan dan harus melalui proses rendaman. Proses rendaman adalah untuk membuang bahagian-bahagian yang kasar kesan daripada proses ukiran bilah. Dengan itu, terhasilnya sebilah keris. Setelah tukang keris selesai menyiapkan bilah keris tersebut, ia akan mula membuat sarung dan juga hulu keris untuk melengkapkan bahagian-bahagian keris tersebut.



Gambar 11:
Bakalan



Gambar 12:
Bentuk asas keris



Gambar 13:
Hasil terakhir bilah keris

Proses Mentuakan Keris

Ramli menceritakan proses mentuakan keris ini melibatkan beberapa kaedah iaitu kaedah baharu dan kaedah lama. Bagi kaedah lama, bahan-bahan yang digunakan adalah seperti belerang, air pinang dan kaedah menanam di dalam tanah. Manakala bagi kaedah baharu pula bahan yang digunakan hanyalah asid. Perkiraan yang teliti dan tepat amat diperlukan apabila menggunakan asid untuk mengelakkan keris menjadi rosak atau reput. Walaubagaimanapun, proses ini tidak mendatangkan sebarang manfaat kepada keris selain daripada membuang bekas- bekas kerja tukang dan membuang lapisan-lapisan yang tidak diperlukan.

Fungsi Keris

Keris telah dikenali ramai sebagai salah satu senjata warisan Melayu yang amat berharga dan mempunyai nilai estetikanya tersendiri. Individu Melayu mempunyai kerisnya tersendiri dan akan selalu membawanya ke mana sahaja dia pergi. Melalui pandangan daripada masyarakat kini, keris yang digunakan pada zaman dahulu hanya sekadar senjata sahaja untuk mempertahankan diri daripada musuh. Namun, hakikat sebenarnya keris bukanlah sekadar senjata sahaja. Keris mempunyai banyak fungsinya seperti keris digunakan untuk majlis istiadat, lambang, anugerah, kuasa, pelengkap pakaian dan juga menjadi identiti kepada si pemilik keris

a) Keris Istiadat

Penggunaan keris dalam majlis istiadat masih digunakan dari zaman dahulu sehingga kini. Keris yang digunakan untuk majlis istiadat mempunyai ciri-ciri yang lebih menawan dan juga seni rekaan pada keris tersebut lebih cantik daripada keris yang dihasilkan untuk pertempuran. Walaubagaimanapun, keris untuk istiadat boleh digunakan sebagai senjata kerana sifat semula jadinya ialah alat yang tajam.

b) Keris Tempur

Keris yang dihasilkan untuk bertempur diperbuat daripada bahan-bahan yang berlainanan dari segi jenis besi, rekaannya, dan juga proses pembuatannya.

c) Keris Identiti

Keris sebagai lambang identiti si pemakai bermaksud adalah ciri-ciri

yang terdapat pada keris tersebut dapat ditafsirkan oleh orang lain tentang asal-usul dan juga pangkat si pemakai. Masyarakat zaman dahulu kebanyakannya memiliki keris tersendiri dan mereka dapat mengenalpasti identiti si pemilik keris daripada bentuk atau jenis sarung keris, hulu keris, dan juga pada bilah keris. Contohnya, keris yang dimiliki oleh orang istana mempunyai ciri-ciri yang lain daripada masyarakat biasa seperti pada kerisnya mempunyai salutan emas, perak, atau tataan batu permata pada hulu dan sarung kerisnya.

d) Keris lambang Negeri

Keris juga melambangkan sesebuah negeri seperti keris daripada negeri Kelantan iaitu Keris Debek yang membawa maksud tidak sempurna, tidak cantik dan dalam erti kata lain biasa sahaja. Oleh itu, masyarakat pada zaman dahulu dapat mengetahui asal-usul seseorang sekadar hanya dengan melihat keris tersebut

ADAB DAN PANTANG LARANG KERIS

Keris juga mempunyai adab dan pantang larangnya yang tersendiri. Kebanyakan masyarakat kini tidak mengetahui atau jarang belajar tentang adab- adab ketika memegang dan memiliki keris. Antara adab-adab memegang keris ialah apabila ingin memegang keris yang dimiliki oleh orang. Sebaik-baiknya meminta izin daripada tuan keris dahulu bagi menghormati pemilik keris tersebut. Jika ingin mengeluarkan bilah keris daripada sarungnya, pastikan si pemilik keris tersebut memberi kebenarannya. Setelah mendapat kebenaran atau keizinan daripada pemilik keris, keluarkan bilahnya secara perlahan dan berhati-hati supaya tidak menjejaskan keadaan bilah keris tersebut. Jika tidak mendapat keizinan daripada pemiliknya, maka tidak perlulah keluarkan bilah keris daripada sarungnya. Tambahan pula, dilarang menghadap bilah keris ke arah orang lain agar dapat mengelakkan daripada sebarang kecederaan. Contohnya, jika seseorang berada di sebelah kanan, maka bilah keris sepatutnya menghadap ke sebelah kiri. Secara ringkasnya, untuk mengelakkan daripada sebarang kesulitan, keris hendaklah menghadap ke arah atas sahaja. Seterusnya, ketika ingin mencabut keris daripada sarungnya, tolak dahulu sarung keris tersebut dengan menggunakan ibu jari. Hal ini kerana untuk mengelakkan daripada bilah keris tersangkut atau patah

ketika membuka sarungnya.

Antara pantang larang memegang keris ialah dilarang untuk memegang bilah keris dengan tangan. Terdapat tiga sebab utama tidak digalakkan untuk memegang bilah keris dengan menggunakan tangan iaitu:

a) Dikhuatiri menjadi punca bilah keris berkarat

Apabila tangan berpeluh atau basah, ia akan melekat pada bilah keris tersebut lalu menyebabkan ia berkarat. Hal ini akan menyusahkan pemilik keris untuk mencuci dan harus menjalani proses penjagaannya untuk membuang karat tersebut. Proses penjagaan keris memakan tempoh waktu yang lama bergantung kepada ketebalan karat tersebut serta kesan daripada bahan yang melekat pada bilah keris.

b) Terdapat racun pada bilah keris

Mengenai racun dalam proses pembuatan keris pada zaman dahulu, kebanyakan pandai besi akan mencampurkan pelbagai jenis bahan termasuklah bahan yang beracun bagi memudaratkan pihak lawan atau musuh. Terdapat racun yang tidak akan hilang sampai bila-bila kerana cara campurannya sudah sebatu di dalam bilah besi tersebut. Sekiranya seseorang memegang bilah atau mata keris yang beracun tanpa disedarinya, ia akan menjejaskan kesihatan dan juga keselamatannya. Sebaiknya, letakkan hujung keris di atas sampir atau kuku. Jika mahu juga memegang bilah keris dengan tangan, sapukan minyak pada tangan terlebih dahulu.

c) Menghormati kepada pemilik keris.

Apabila pemilik keris memberi keizinan untuk melihat dan memegang kerisnya, cukuplah sekadar menghayati keindahan keris tersebut tanpa perlu menyentuh dan merasai ketajamannya, mengukur status keris dan sebagainya. Selain itu, dilarang memperlekehkan keris hak milik orang lain kerana terdapat keris yang ditempa dengan menggunakan nama pemiliknya

PEMELIHARAAN KERIS

a) Mencuci Keris pada Bulan Muharram

Keris adalah senjata yang amat berharga dan juga kebanggaan

kepada masyarakat Melayu. Sudah semestinya senjata warisan Melayu ini perlu dikekalkan selama yang mungkin agar ia tidak pupus dek zaman. Oleh itu, terdapat kaedah pemeliharaan keris yang dijalankan dalam kalangan pencinta dan pemilik keris untuk memastikan keadaan keris dalam keadaan yang baik dan juga memanjangkan jangka hayat keris. Nama kaedah pemeliharaan keris ialah mencuci keris. Mencuci keris ini sering dilakukan oleh kebanyakan pemilik keris terutamanya masyarakat Melayu pada bulan Muharram yang mempunyai keunikan dan maksudnya tersendiri. Antara keistimewaannya ialah:

- Tahun baharu bagi umat Islam.
- Antara empat bulan yang diharamkan untuk berperang dan ini merupakan bulan untuk memperbaiki atau membaik pulih senjata yang dimiliki.

b) Penjagaan Secara Tradisional dan Moden

Terdapat dua jenis kaedah yang digunakan untuk mencuci dan membersihkan keris iaitu kaedah tradisional dan juga kaedah moden.

- **Kaedah Tradisional**

Bahan-bahan yang digunakan ialah limau nipis, kelapa tua/muda, bekas kemenyan, kemenyan, air, pemetik api dan kain. Proses mencuci dan membersihkan keris secara tradisional dimulakan dengan rendaman air kelapa sama ada air kelapa tua ataupun muda. Jangka waktu rendaman bagi dua jenis kelapa tersebut adalah berbeza. Jangka waktu bagi rendaman air kelapa tua adalah selama tiga hari paling maksimum manakala bagi rendaman air kelapa muda adalah selama tujuh hari. Hal ini terjadi kerana air kelapa tua bertukar menjadi cecair asid lebih cepat daripada air kelapa muda. Jika bilah keris tersebut direndamkan melangkaui tempohnya, ia akan menjejaskan bilah keris tersebut seperti bilah menjadi rosak dan rapuh. Seterusnya, setelah merendam bilah keris tersebut di dalam air kelapa, sediakan sebiji limau nipis. Pastikan limau nipis tersebut mempunyai airnya. Terdapat dua kaedah penggunaan limau iaitu terus menikam bahagian tepi limau ataupun memerah air limau ke dalam bekas. Pastikan menikam limau tersebut pada bahagian tepi dan bukan pada bahagian tengah limau. Hal ini kerana pada bahagian tengah limau mempunyai biji- biji yang dapat

mencalarkan atau merosakkan bilah keris ketika proses menggosoknya. Selepas menikam limau tersebut dengan keris, gosokkan keris di antara bahagian limau tersebut.

Setelah selesai dengan proses menggosok bilah keris pada buah limau, siram air pada bilah tersebut untuk membuang sisa-sisa limau pada keris. Selepas itu, lapkan keris tersebut menggunakan kain. Sediakan bekas kemenyan terlebih dahulu. Mula hidupkan bara api dengan menggunakan arang dan pemetik api. Setelah bara sudah terhasil, letakkan kemenyan ke dalamnya. Sebelum lahirnya pelbagai pewangi campuran, masyarakat Melayu mengamalkan penggunaan kemenyan sebagai alat pewangi sejak zaman berzaman. Ia juga turut menjadi sebahagian daripada tradisi orang Arab dengan menggunakan kemenyan atau lebih dikenali bagi masyarakat Arab sebagai '*bukhoor*' untuk alat pewangi. Getah daripada kemenyan tersebut akan menjadi sebagai pelapik untuk memastikan bilah keris bertahan atau mengelakkannya daripada cepat rosak. Hayunkan bilah keris ke arah kepulan asap yang dihasilkan daripada bekas kemenyan tersebut dan ulang langkah itu sehingga bilah keris kering. Hasil daripada proses tersebut membuatkan bilah keris menjadi kering dan juga wangi dengan bauan daripada kemenyan.



Gambar 14:
Cara menggosok keris dengan menggunakan limau



Gambar 15:
Menghayun bilah keris pada kepulan asap kemenyan



Gambar 16:
Mencuci keris bersama sabun

- Kaedah Moden

Bahan-bahan yang digunakan ialah air limau, bekas minyak wangi, sabun, berus gigi, air dan pengering rambut. Proses mencuci keris secara moden pula tidak jauh berbeza dengan kaedah secara tradisional. Hanya bahan yang digunakan sahaja yang berbeza. Proses mencuci keris secara moden adalah kaedah yang paling pantas dan menjimatkan masa pemilik keris untuk membaik pulih keadaan keris. Proses mencuci dimulakan dengan menyediakan rendaman air limau dan masukkan bilah keris ke dalam

rendaman tersebut. Setelah kelihatan karat pada bilah keris mulai menanggal atau hilang, gunakan sabun bersama dengan berus gigi untuk memberus bilah keris tersebut sehingga tiada karat kelihatan. Selepas itu, keringkan bilah tersebut dengan menggunakan pengering rambut untuk mempercepatkan proses pengeringan pada bilah keris. Akhir sekali, letakkan minyak wangi pada bilah keris untuk mewangikannya dan juga untuk mengelakkannya daripada berkarat. Jika proses mencuci keris dijalankan secara betul, kebarangkalian untuk keris berkarat adalah rendah dan tidak perlu melakukan proses penjagaan keris secara kerap.

KESIMPULAN

Keris adalah senjata yang melambangkan keagungan dan kebanggaan bagi masyarakat Melayu. Penjagaan keris perlulah diberi keutamaan agar kelangsungan warisan keris dapat dikekalkan untuk masa akan datang dan agar identiti serta keunikan senjata ini dapat dipelihara. Selain itu, keris tersirat seribu rahsia dan makna daripada sejarah asal usulnya hinggalah bahan-bahan yang digunakan untuk menghasilkannya. Menerusi hasil kajian yang telah dijalankan, banyak perkara yang telah dikongsikan tentang ilmu warisan senjata Melayu ini. Kita dapat melihat keunikan salah satu artifak Melayu ini yang penuh dengan keindahan kesenian masyarakat Melayu. Melalui keris dapat dilihat falsafah, pemikiran dan cara hidup masyarakat Melayu pada waktu keris dihasilkan.

RUJUKAN

BERNAMA. (1 Oktober 2019). JKKN Dokumentasi Seni Warisan Tanpa Pewaris.

Bernama Online. Diakses Pada 02 Disember 2020, di <http://www.bernama.com/bm/news.php?id=1773661>

Dewan Bahasa dan Pustaka. (2005). *Kamus dewan (Edisi keempat)*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Djoko Soekiman. (1983). *Keris, Sejarah dan fungsinya*. Yogyakarta: Proyek Javanologi

Email Bahari. (2009). *Semangat Keris Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

- Gardner, G. B. (1936). *Keris and other Malay weapons*. Progressive Publishing Company: Singapore.
- Harsrinuksmo, Bambang. (2004). *Ensiklopedi keris*. Jakarta: Gramedia
- Haryono Haryoguritno. (2005). *Keris Jawa – Antara Mistik dan Nalar*. Jakarta: PT Jayakarta Agung Offset.
- Kassim Ahmad. (1964). *Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Latifah. (April 30, 2016). Pantang, etika bermain keris. Diakses pada 2 Desember 2020, di <https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/61/2016/04/148810/pantang-etika-bermain-keris>.
- Mahyudin Al-Mudra. (2009). Melacak Asal-usul Keris dan Peranannya dalam Sejarah Nusantara. - *UKM Journal Article Repository*. Diakses pada 11 Februari 2021, di <https://journalarticle.ukm.my/1152/1/sari27%281%29-2009%5B03%5D.pdf>
- Maisey, A.G. (1998). Origin of the Keris and its development to the 14th. century. Retrieved from: <http://www.vikingsword.com/ethsword/maisey/index.html>
- Mohd Nasir. (16 Februari 2008). Senjata Warisan. Diakses pada 2 Desember 2020, di <https://cikgunasir.blogspot.com/2008/02/senjata-warisan.html>
- MStar. (01 Julai 2020). Tinggal kerjaya dalam bidang minyak dan gas di KL, Pak Teh balik kampung jadi tukang besi di pesisir Sungai Pahang. Diakses pada 2 Desember 2020 di: <https://www.mstar.com.my/xpose/figura/2020/07/01/tinggal-kerjaya-dalam-bidang-minyak-dan-gas-di-kl-pak-teh-balik-kampung-jadi-tukang-besi-di-pesisir-sungai-pahang>
- Nor 'Asyikin Mat Hayin. (April 25, 2018). Pembuatan sarat ciri sains. Diakses pada 2 Desember 2020 di: <https://www.hmetro.com.my/nuansa/2018/04/333759/pembuatan-sarat-ciri-sains>
- Ramli Bin Jusoh. (02 Januari 2021). Seni Keris [Temubual].
- Shuhairimi Abdullah. (2019). *Manifestasi Keris Dalam Masyarakat Melayu Antara Kebudayaan dan Agama*. Diakses pada 1 Desember 2020, di <http://dspace.unimap.edu.my/>
- Teeuw, A. & Wyatt, David Kent (1970). *Hikayat Patani: The Story of Patani*. N.D: M. Nijhoff
- Waluyo Wijayatno & Unggul Sudrajat. (2011). *Keris dalam Perspektif Keilmuan*. Jakarta: Direktorat Jenderal Kebudayaan

Woolley, G.C. (1947). *The Malay Keris: Its Origin and Development, Malay Cannon, Notes on Two Knives in the Pitt-River's Museum*. Royal Asiatic Society of Great Britain and Ireland. Malayan Branch